



Jabatan Alam Sekitar
Department of Environment
**Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi,
Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC)**
Aras 1 - 4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana Presint 4
62574 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel 03-8871 2000
Faks 03-8889 1040 / 8888 9987 (Pentadbiran)
03-8888 2693 (Integriti)
03-8888 4151 (Udara)
03-8889 1042 (Komunikasi Strategik)
03-8889 1045 (Penilaian)
03-8888 4070 (Air & Marin)
03-8888 0067 (Penguatkuasaan)
03-8888 9964 (Teknologi Maklumat)
03-8888 6120 (Bahan Berbahaya)
03-8889 1973/1975 (Bilik Operasi)
Laman Web : www.doe.gov.my

Rujukan: JAS 50/013/100/084 (24)
Tarikh: 03 September 2018

Pengarah
Yayasan Melaka
No.40-48 & 52, Jalan BKD 27
Taman Bukit Katil Damai 2
75450 BUKIT KATIL MELAKA
(u.p.: Pn. Azlinah Binti Aziz)

Tel : 06-2311822
Faks : 06-2311307

Tuan,

PENGESAHAN BIDANG RUJUKAN (TERMS OF REFERENCE, TOR) BAGI CADANGAN PENAMBAKAN KAWASAN LAUT SELUAS 400 EKAR UNTUK PEMBANGUNAN BERAMPUR – CAMPUR, KAWASAN BANDAR XLVI, DAERAH MELAKA TENGAH, MELAKA SECARA PENGSWASTAAN UNTUK YAYASAN MELAKA

Saya dengan hormatnya diarah merujuk kepada perkara di atas dan dokumen Bidang Rujukan yang dikemaskini (*Revised TOR*) yang dikemukakan melalui surat Jururunding EIA, Ciri Selasih Sdn Bhd kepada Jabatan Alam Sekitar JAS50/013/100/084 (11) bertarikh 25 Julai 2018 adalah berkaitan.

2. Setelah menyemak dan meneliti dokumen *Revised TOR* di atas, sukacita dimaklumkan bahawa *Revised TOR* tersebut disahkan dan perlu mengambilkira di peringkat kajian EIA kelak perkara-perkara berikut:-

- (i) kesemua ulasan daripada Jabatan ini, agensi-agensi berkaitan dan Individu Yang Dilantik (*Appointed Individual, AI*) yang telah dikemukakan sebelum ini kepada pihak tuan, samada secara bertulis, atau yang dibincangkan dan

"Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"
"Environmental Conservation, Our Shared Responsibility"



diminitkan di dalam Minit Mesyuarat Panel Pengulas melalui surat bertarikh 30 Mac 2018, rujukan JAS50/013/100/084(16);

- (ii) cadangan pembangunan projek ini perlu perlu dirujuk kepada Majlis Perancang Fizikal Negara serta selaras dengan Pelan Struktur atau Pelan Rancangan Tempatan (*Local Plan*) kawasan berkenaan yang hendaklah dirujuk dan dinyatakan di dalam Laporan EIA;
- (iii) kajian EIA bagi cadangan projek ini hendaklah dijalankan secara kuantitatif, komprehensif dan langkah-langkah kawalan pencemaran yang dicadangkan juga perlu dijelaskan dengan spesifik dan terperinci bagi isu-isu kritikal yang dikenalpasti;
- (iv)uraian terperinci berhubung lokasi guna tanah sekeliling antara lainnya merangkumi:-
 - a. lokasi sebenar tapak cadangan projek dengan menunjukkan koordinat tapak cadangan projek yang mengandungi sekurang-kurangnya 4 titik koordinat penjuru tapak projek;
 - b. pelan gunatanah terkini yang jelas, terperinci dan lengkap dalam lingkungan 5 km radius (ditunjukkan radius bagi setiap 250m, 500m dan seterusnya) yang jelas menunjukkan setiap '*environmental sensitive receptors*' di sekitarnya dalam saiz A3; dan turut mengambilkira '*environmental sensitive receptors*' yang berada di dalam "*zone of impact*";
 - c. senarai aktiviti sosio ekonomi dan *committed development* termasuklah aktiviti perindustrian, komersil, institusi dan penempatan penduduk serta '*environmental sensitive receptors*' yang lain di sekitar kawasan cadangan projek (5 km radius) dalam bentuk jadual;
 - d. pelan lokasi yang jelas dengan menunjukkan dan menyatakan jarak **di antara lokasi cadangan projek dengan kawasan sensitif alam sekitar dalam lingkungan sekurang-kurangnya 5 km radius**, antaranya seperti berikut:-
 - i. penempatan penduduk;

- ii. jeti nelayan dan pelabuhan;
 - iii. kawasan pelancongan seperti *chalet*, *resort*, pantai peranginan;
 - iv. kawasan sensitif alam sekitar seperti kawasan paya bakau persisiran pantai, habitat marin dan *terrestrial* dan kawasan sensitif ekologi.
- e. sebarang peta dan gambarajah yang ditunjukkan hendaklah terkini, jelas, lengkap dengan *legend*, ditandakan lokasi projek, tanda arah dan boleh dibaca;
- f. peta yang digunakan hendaklah dinyatakan sumbernya yang sah;
- g. lokasi persampelan bagi kualiti udara, kualiti air marin dan bunyi bising hendaklah ditunjukkan dalam bentuk gambarajah, peta atau seumpamanya yang jelas menunjukkan titik pusat persampelan. Gambarajah, peta atau seumpamanya itu hendaklah dikemukakan dalam saiz A3 di dalam Laporan EIA; dan
- h. cadangan zon penampaman yang mencukupi dan selamat di antara sempadan tapak cadangan projek dengan '*environmental sensitive receptors*' yang terdekat, yang diperolehi melalui kajian EIA hendaklah dicadangkan di dalam laporan EIA untuk dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.
- (ii) penerangan yang jelas dan spesifik berhubung konsep projek, *construction method* yang akan dilaksanakan yang mengandungi komponen-komponen yang dicadangkan, antaranya:-
- a. Penambakan :-
 - i. pemilihan *layout* dan *landform* penambakan dan struktur penahan ombak (*breakwater*) perlu berdasarkan kepada beberapa opsyen yang telah diuji dengan menggunakan model hidraulik dan terbukti memberi kesan yang paling minima kepada alam sekitar, sosio ekonomi dan aspek navigasi;

- (i) (ii)
- ii. menjelaskan kaedah penambakan laut (*method statement*) yang akan digunakan dengan mengambil kira impak yang paling minima kepada alam sekitar;
 - iii. menyatakan dengan jelas kriteria bagi sumber pasir laut (*sand source*) yang akan digunakan untuk tujuan penambakan laut dari segi kuantiti dan kualiti iaitu jenis pasir, komposisi kandungan kelodakan (*silt content*) (peratusan) bagi memastikan kesan kelodakan yang minimum ke atas ekosistem marin di kawasan persekitaran kawasan penambakan laut;
 - iv. bagi sumber bahan penambak (pasir laut) yang telah diketahui pembekalnya, nama pembekal pasir laut yang telah dilesenkan oleh Pihak Berkuasa berkenaan dan lokasinya hendaklah dinyatakan. Sekiranya belum diketahui nama pembekal pasir laut yang dilesenkan Pihak Berkuasa, nyatakan lokasi kawasan sumber pasir laut yang dijangka akan diperolehi supaya laluan dari sumber pasir ke tapak cadangan projek dapat dikenalpasti;
- (iii) Ramalan impak cadangan projek ini hendaklah dijalankan secara **komprehensif** dan **terperinci**, antaranya:-

a. **Kajian Impak Hidraulik**

- mengenal pasti kesan hakisan dan pemendapan yang akan berlaku di sekitar kawasan cadangan projek termasuklah persisiran pantai berdekatan, impak banjir di kawasan muara sungai berdekatan, perubahan kualiti air laut sekiranya tiada *flushing* berlaku di dalam kawasan penambakan dan lain-lain impak berkaitan hidraulik dan hidrodinamik.
- *kajian sediment plume* hasil daripada aktiviti penambakan bagi menilai kesan kepada ekologi marin.

b. Impak kepada kawasan sensitif alam Sekitar dan Ekologi Marin

- mengenalpasti dan menyatakan langkah kawalan terhadap kawasan sensitif alam sekitar seperti kawasan paya bakau persisiran pantai, habitat marin dan *terrestrial*, kawasan penangkapan ikan dan kawasan sensitif ekologi.

c. Ramalan Impak Kualiti Air

- had pelepasan kumbahan hendaklah mematuhi standard peraturan-peraturan kualiti alam sekeliling (kumbahan) 2009.
- kajian kualiti air hendaklah menunjukkan dengan terperinci lokasi takat pelepasan punca-punca kumbahan yang dihasilkan dengan menyatakan juga kuantiti dan kualiti kumbahan yang dihasilkan, termasuklah *flow rate*, *loading* dan sebagainya.
- modelling kualiti air yang dijalankan hendaklah menunjukkan dengan jelas impak pelepasan kumbahan ke laut yang dibandingkan dengan *national marine water quality standards for malaysia* terbitan jabatan alam sekitar.

d. Impak Kebolehlayaran, Keselamatan Pelayaran dan Trafik Marin

- penemuan daripada kajian impak kepada kebolehlayaran dan keselamatan pelayaran hendaklah dijalankan secara terperinci melalui *navigation simulation* di dalam Laporan EIA.

e. Pengurusan Sisa Pepejal dan Buangan Terjadual

- kaedah pengurusan sisa pepejal hendaklah mematuhi kehendak di bawah akta pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, 2007 di bawah jabatan pengurusan sisa pepejal negara.
- kaedah pengurusan buangan terjadual hendaklah mematuhi kehendak di bawah peraturan-peraturan kualiti alam sekeliling (buangan terjadual) 2005, akta kualiti alam sekeliling, 1974.

f. Kajian Sosio-Ekonomi

- Satu sesi dialog awam (*public dialogue*) bersama penduduk yang terlibat dan agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan hendaklah diadakan bagi memaklumkan kepada orang awam dan mendapatkan maklumbalas mengenai cadangan projek tersebut dari segi alam sekitar. Hasil perbincangan daripada *public dialogue* tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam laporan EIA kelak; dan
- Kajian sosio-ekonomi hendaklah merangkumi antara lainnya penduduk di kawasan penempatan berhampiran dan penerima *sensitive* yang lain.

g. Kajian Economic Valuation of the Environmental Impacts

- Kajian *Economic Valuation of the Environmental Impacts* hendaklah dijalankan secara terperinci dan diterjemahkan dalam nilai wang (*monetize*) dan mengikuti "*Guidelines on the Economic Valuation of the Environmental Impacts for EIA Projects*" terbitan Jabatan Alam Sekitar.

h. Impak Hakisan dan Sedimen Daripada Aktiviti Penambakan

- Impak hakisan dan sedimen daripada aktiviti penambakan cadangan projek hendaklah dinyatakan dengan jelas di dalam Laporan EIA. Kajian impak tersebut perlu dijalankan mengikut "*Guidance Document For Addressing Soil Erosion and Sediment Control Aspects in Environmental Impact Assessment (EIA) Report*", terbitan Jabatan Alam Sekitar. Laporan ESC perlu disertakan dengan pelan konsep (*conceptual plan*) yang menunjukkan dengan jelas *Best Management Practices (BMPs)* bagi mengawal hakisan dan sedimen di tapak cadangan projek. Jururunding yang menjalankan kajian hakisan tanah dan sedimen hendaklah berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar dan mempunyai pensijilan "*Certified Professional on Erosion and Sediment Control*" (CPESC).

i. Impak Bunyi Bising

- Kajian bunyi bising hendaklah dijalankan dan berdasarkan kepada garispanduan “*The Planning Guidelines for Environmental Noise Limits and Control*” terbitan Jabatan Alam Sekitar.

(iv) Cadangan langkah-langkah kawalan hendaklah merangkumi antara lainnya:-

- a. kesemua cadangan langkah kawalan yang dinyatakan di laporan EIA hendaklah jelas konsepnya dan terperinci; dan
- b. komitmen daripada pemaju untuk memasang langkah-langkah kawalan yang berkesan dan terbukti dapat meminimakan impak negatif kepada alam sekeliling.

(v) Metodologi setiap kajian hendaklah dinyatakan dengan jelas dalam Laporan EIA.

(vi) Penyediaan dokumen ‘*Emergency Response Plan*’ (ERP) juga perlu dirancang di peringkat penyediaan Laporan EIA.

(vii) Rujukan garispanduan-garispanduan yang berkaitan hendaklah berpandukan garispanduan yang terkini terbitan Jabatan ini dan garispanduan-garispanduan terbitan Agensi lain yang berkaitan.

(viii) Jadual Pelaksanaan Projek hendaklah disertakan.

3. Sehubungan itu, pihak tuan boleh meneruskan kajian dan penyediaan Laporan EIA dengan mengambilkira perkara-perkara yang dinyatakan di atas. Pihak tuan bolehlah berpandukan kepada senarai semak pematuhan kepada Bidang Rujukan yang disahkan mengikut format seperti di Lampiran 1 bagi memastikan kesemua skop kajian yang dinyatakan di atas diambilkira di dalam Kajian EIA kelak.

4. Jabatan ini juga ingin menarik perhatian bahawa segala perkara yang melibatkan polisi dan dasar contohnya seperti zon perancangan hendaklah diselesaikan terlebih dahulu sebelum pengemukaan Laporan EIA untuk penilaian Jabatan ini.

5. Dimaklumkan bahawa Laporan EIA yang lengkap bagi semua Laporan EIA yang sedang dinilai perlu dipaparkan di halaman web rasmi Jabatan ini. Oleh yang demikian,

sesalinan CD yang mengandungi "soft copy" Laporan EIA berkenaan (format pdf) hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat dan salinan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dan Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan. "Softcopy" Laporan EIA tersebut hendaklah dibahagikan mengikut bab dan saiz setiap fail tersebut hendaklah tidak melebihi 8 MB. Di samping itu Ringkasan Eksekutif dalam bentuk "softcopy" juga hendaklah dikemukakan secara berasingan dengan "soft copy". Laporan EIA untuk tujuan paparan di laman web rasmi Jabatan ini. Selain daripada ringkasan isu dan keputusan kajian, kandungan Ringkasan Eksekutif hendaklah juga mengandungi perkara-perkara berikut:-

- *Name/title of Project.*
- *Name & Contact Details of the Project Proponent (Contact Person, Address, Tel, Fax & Email).*
- *Name of the EIA Consultant (firm) (Contact Person, Address, Tel, Fax & Email).*
- *Location of the project (including where applicable, coordinates, lot numbers, mukim and district name).*
- *Relevant maps showing project location and sensitive receptors.*
- *Summary of impacts and mitigating measures.*

6. Walaupun Laporan EIA dan Ringkasan Eksekutif dipaparkan di laman web rasmi Jabatan ini, prosedur Laporan EIA secara "hard copy" masih kekal dan diperlukan untuk tujuan pameran awam (*public display*) di perpustakaan dan tempat lain yang ditetapkan selain diperlukan untuk tujuan kawalan dokumen di dalam fail Jabatan.


7. Pihak tuan juga hendaklah mengemukakan semua data mentah (*raw data*) yang digunakan sebagai input di dalam kajian EIA, dalam bentuk "hard copy" di dalam "*EIA Main Report*" atau sebagai apendiks. Manakala sesalinan CD yang mengandungi "soft copy" data berkenaan hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar Ibu Pejabat. Hanya analisa yang dijalankan oleh makmal yang mempunyai Sijil Akreditasi (SAMM) diterima di dalam kajian EIA dan keputusannya hendaklah dimasukkan ke dalam Laporan EIA.

8. Jabatan ini juga ingin menarik perhatian pihak tuan bahawa pengesahan ke atas Bidang Rujukan ini hanya sah diterima pakai dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh surat ini dikeluarkan dan akan terbatal sekiranya Kajian EIA tidak dilaksanakan dan dikemukakan kepada Jabatan ini dalam tempoh tersebut.

Sekian, dimaklumkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(WANDI YADZID BIN HAJI YAAKOB)

b.p. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling

s.k.

1. Pengarah
Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka
Aras 19, Menara Persekutuan bandar MITC
Hang Tuah Jaya
75450 AYER KEROH
MELAKA
2. Pengarah Urusan
Ciri Selasih Sdn Bhd
No.40, Jalan TU 40
Taman Tasik Utama
75470 AYER KEROH

Lampiran 1

SENARAI SEMAK BAGI PEMATUHAN KE ATAS “REVISED TOR”

BIL	PERKARA (ITEM) DALAM “REVISED TOR” (SILA NYATAKAN)	RUJUKAN DALAM LAPORAN EIA (SILA NYATAKAN BAB DAN MUKASURAT YANG TERLIBAT)	ULASAN JAS (KOSONGKAN)